

Headline	Tugu: PM Tiga inisiatif baharu projek Taman		
MediaTitle	Berita Harian	Color	Full Color
Date	05 Sep 2017	Circulation	125,514
Section	Nasional	Readership	947,000
Page No	3	ArticleSize	597 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 20,579
Journalist	Nadia Hamid dan Mohd Nasaruddin Parzi	PR Value	RM 61,737
Frequency	Daily		



Tiga inisiatif baharu projek Taman Tugu: PM

■ Negara bakal miliki taman hijau di tengah ibu kota seperti di London

Oleh Nadia Hamid dan Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak semalam mengumumkan tiga inisiatif baharu bagi mengindahkan serta menghijaukan kawasan hutan di ibu negara di Projek Taman Tugu, bersebelahan Bangunan Parlimen.

Menerusi inisiatif pertama, kerajaan bersetuju meluluskan Projek Taman Tugu seluas 26.4 hektar dijadikan pegangan badan amanah dan dirizabkan sebagai taman hutan hijau untuk selamanya, di bawah Amanah Warisan Negara.

Kedua, kawasan tambahan seluas 10 hektar bersebelahan tapak Projek Taman Tugu akan turut diletakkan di bawah Amanah Warisan Negara.

Perdana Menteri berkata, tambahan itu akan menjadikan jumlah keluasan keseluruhan Taman Tugu kepada 36.4 hektar dan jika

digabungkan dengan Taman Botani Perdana yang ada bersebelahaninya, jumlah keseluruhan taman hijau itu adalah 132.4 hektar.

Berikut itu, Malaysia akan membangun taman hijau di tengah-tengah ibu kota seperti di London, New York dan Tokyo.

"Inisiatif ketiga adalah memastikan kawasan hijau lain di seluruh negara turut diletakkan di bawah Amanah Warisan Negara bagi mengekalkan kehijauan dan melindungi hutan hijau untuk generasi anak cucu kita pada masa hadapan," katanya ketika berucap pada Program Amanah Warisan Taman Tugu.

Tanam pokok Belian

Yang turut hadir, bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi; Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar; Pengurus FELDA, Tan Sri Shahir Samad dan Pengarah Urusan Khazanah Nasional Bhd, Tan Sri Azman Mokhtar.



Najib bersama Abdullah bergambar selepas meninjau persekitaran Projek Taman Tugu pada Program Amanah Warisan Taman Tugu, di Kuala Lumpur, semalam.

Pada majlis itu, Najib menyempurnakan penanaman sepohon pokok Belian, yang terkenal di Sarawak, sebagai acara simbolik pelaksanaan projek membangunkan kawasan hutan itu.

Najib juga berkata, hasil rekaan pemenang pertandingan reka bentuk bangku dan gazebo yang terpilih kepada semua rakyat Malaysia, anjuran kerjasama Institut Arkitek Lanskap Malaysia akan diletakkan di Taman Tugu untuk mengiring pengunjung.

Beliau turut mencadangkan supaya kunjungan ke Projek Taman Tugu sebagai sebahagian daripada jadual lawatan pemimpin luas ke negara ini.

Projek pembangunan Taman Tugu adalah sebahagian projek dibangunkan Khazanah Nasional untuk memberi nafas baharu dan menambah nilai kepada tapak sejarah negara, bermula September tahun lalu.

Inisiatif untuk memelihara dan mengaktifkan hutan hijau di tengah-tengah bandar raya ini, di-

jangka siap secara berperingkat antara tahun 2018 dan 2020.

Projek itu dibahagikan kepada empat komponen iaitu pemuliharaan dan pengaktifan taman, pembelajaran dan pendidikan (Khazanah ILMU), operasi selenggara dan pembangunan komuniti serta kesalinghubungan laluan pejalan kaki.

Nilai kos RM650 juta

Kos projek pembangunan di Taman Tugu dianggarkan menelan belanja kira-kira RM650 juta dengan RM500 juta daripadanya ditanggung oleh Khazanah Nasional.

Kawasan berkenaan yang pada masa ini adalah hutan sekunder, akan mempamerkan lebih 5,000 pokok etnik hutan hijau tropika yang akan ditanam, selain 1,000 pokok sedia ada di kawasan berkenaan yang sudah dikenal pasti untuk diketikalkan.

Projek berkenaan akan bersambung dengan beberapa kawasan hijau sekitar bermula dari Muzium Negara dan Taman Botani Perdana

yang menyediakan kepelbagaiaan taman yang bukan saja mampu menarik kunjungan rakyat tempatan tetapi juga pelancong.

Pelbagai pihak memberikan kerjasama antaranya, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk menyediakan prasarana berkaitan seperti ruang meletak kereta dan hubungan laluan pejalan kaki antara taman berkenaan dengan beberapa taman dan kawasan di sekitarnya.

Selain cadangan pembinaan laluan pejalan kaki dalam masa dua tahun akan datang, turut dihubungkan jaringan pengangkutan awam bermula dari KL Sentral dan Stesen KTM Komuter Bank Negara Malaysia.

Taman Tugu disokong oleh pelbagai pihak berkepentingan, antaranya Kementerian Wilayah Persekutuan; Unit Perancangan Ekonomi; Unit Kerjasama Awam-Swasta; Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS).